



“JADILAH HAMBA ALLAH BUKAN HAMBA RAMADHAN”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّنَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾</p>	4
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</p> <p>Marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya. Semoga amalan kita pada bulan Ramadhan yang lalu dan di Syawwal ini diterima Allah SWT.</p>	5
<p>Tajuk khutbah jumaat kali ini ialah “JADILAH HAMBA ALLAH, BUKAN HAMBA RAMADHAN”.</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	6
<p>Hari ini sudah 16 hari Ramadhan meninggalkan kita. Adakah kita meneruskan amal kebaikan sebagaimana sepanjang bulan Ramadhan lalu? Ataupun kita beribadat hanya untuk bulan Ramadhan sahaja? Amal soleh adalah perintah Allah sepanjang masa sama ada di bulan Ramadhan, Syawwal atau pun di bulan-bulan yang lain.</p>	7



<p>Sesungguhnya Allah SWT menyukai hamba yang taat kepadaNya sepanjang masa. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kita menjadi hamba yang hanya menyembahNya sahaja pada bila-bila masa.</p>	8
<p>Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 79 sebagaimana dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:</p> <p>“Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”.</p>	9
<p>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Ilmu dan amalan puasa yang kita laksanakan di bulan Ramadhan menjadikan kita kuat beribadah, berebut mencari pahala dan bertambah cintakan Allah. Persoalannya ialah, mampukah kita mengekalkan kelazatan beribadah ini walaupun suasana Ramadhan telah berlalu? Kalau kita benar-benar hanya menyembah Allah sahaja, kita mampu mengekalkan ibadah ini. Kita beribadah adalah kerana perintah Allah dan kerana mencari keredhaan-Nya, bukan memilih masa dan mencari kelebihan bulan Ramadhan semata-mata.</p>	10
<p>Patutkah kita sebagai hamba Allah meringan-ringankan atau meninggalkan perintah-Nya sama ada bulan Ramadhan atau bulan lain seperti perintah solat. Sesungguhnya solat itu perintah Allah yang membentuk hambaNya yang bertaqwa dan menjadi sebab mengundang kebaikan. Solat juga dapat mengekalkan turunnya rahmat dan kasih sayang Allah kepada hambaNya.</p>	11



<p>Namun jika solat diabaikan, akan tersebarlah perkara keji dan mungkar yang pasti mengundang bala berupa wabak penyakit yang sukar dibendung dan akhirnya menjadi sebab kemusnahan sejagat. Sebaliknya jika ibadah solat dipelihara, Allah akan kurniakan jiwa yang selamat, harta yang berkat dan tubuh badan yang sihat.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	12
<p>Sesungguhnya pelaksanaan perintah Allah itu adalah untuk menjadi hamba Allah yang sebenarnya dan bukan menjadi hamba Ramadhan. Apa yang diperintahkan Allah, laksanakanlah dengan ikhlas dan jujur. Semoga Allah akan jauhkan kita dari sebarang kecelakaan, sebaliknya dijanjikan dengan kegembiraan, kejayaan dan syurga.</p>	13
<p>Sebagaimana firman Allah dalam surah Fussilat ayat 30:</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾</p>	14
<p>“Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.”</p>	15



<p>Berbetulan kita bertemu dengan Hari Guru pada 16 Mei 2021 yang lalu, maka khutbah hari ini juga menyentuh perihal kepentingan bagi umat Islam untuk mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan. Untuk menjadi hamba Allah yang sebenarnya, umat Islam hendaklah menguasai ilmu dunia dan ilmu akhirat bagi melahirkan hamba Allah yang kuat akidah, betul ibadah dan mulia akhlaknya. Islam meletakkan ilmu sebagai asas utama dalam kehidupan untuk mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.</p>	16
<p>Tanpa ilmu, umat Islam akan mundur dan akan ditimpa dengan bermacam-macam kesengsaraan. Oleh itu, Islam telah mewajibkan seluruh umatnya agar menuntut ilmu. Dalam konteks keperluan negara hari ini, kita amat memerlukan generasi yang berilmu dalam pelbagai bidang, beriman serta memiliki keperibadian yang tinggi sepertimana seorang guru. Sebenarnya seseorang Guru itu adalah yang berilmu, mulia dan dijamin Allah ketinggian martabatnya.</p>	17
<p>Allah SWT menjelaskannya dalam surah al-Mujadalah ayat 11:</p> <p>يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾</p>	18
<p>“ Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”.</p>	19



<p>Hadis yang menyebut tentang kelebihan hamba Allah yang berilmu adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Darda' Radhiallahu'anhu, bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ</p>	20
<p>"Sesungguhnya kelebihan orang yang berilmu dibandingkan dengan ahli ibadah adalah seperti bulan pada malam purnama atas seluruh bintang-bintang". (Riwayat Abu Daud)</p>	21
<p>Kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir alaihimassalam yang dirakamkan dalam al-Quran menerusi Surah Al-Kahfi ayat 66 sehingga ayat 82 menunjukkan betapa tingginya ilmu seorang guru dan indahnya akhlak seseorang penuntut ilmu. Oleh itu, contohilah akidah yang benar, ibadah yang istiqomah dan akhlak yang mulia di kalangan para nabi, ulama dan guru yang soleh untuk menjadi hamba Allah yang sebenarnya sepanjang masa. Semoga Allah merahmati kita semua dengan limpahan nikmat kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.</p> <p>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</p>	22



<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati pengajarannya untuk dijadikan pedoman. Antaranya adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah menjadi hamba Allah yang beribadah dan menyembah Allah sahaja di sepanjang masa.2. Umat Islam hendaklah beribadah dengan ikhlas semata-mata mencari keredhaan Allah bukan kerana memilih masa atau kelebihan sesuatu amalan.3. Umat Islam hendaklah berilmu dan berakhlak mulia untuk menjadi hamba Allah yang sebenarnya sebagaimana para nabi, ulama dan guru-guru yang soleh.4. Umat Islam hendaklah sentiasa berdoa terutama selepas menunaikan solat fardhu agar kekal beriman dan beramal soleh dengan doa berikut5.	23
<p>sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 8:</p> <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾</p>	24
<p>“(Mereka berdoa dengan berkata): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.”</p> <p style="text-align: right;">(Surah ali-Imran : 8)</p>	25



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	26
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	27



KHUTBAH KEDUA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.	1
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.	2
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ	3
Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.	5
Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.	6
Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.	7
Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8




إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج	15
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	16



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَإِلْجَابَةَ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ</p>	20



	21
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23